



**KERAJAAN MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 3 TAHUN 2012**

---

**KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP**

**TUJUAN**

1. Pekeliling perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup (*Cost of Living Assistance- COLA*) kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007. Kenaikan kadar Bantuan Sara Hidup adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam.

## PELAKSANAAN

### Pegawai Yang Layak

3. Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:
  - a. Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
  - b. lantikan tetap, sementara, kontrak (*Contract of Service*) dan guru sandaran;
  - c. diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
  - d. diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
  - e. diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau
  - f. diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institusi pengajian.

### Pegawai Yang Tidak Layak

4. Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut:
  - a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
  - b. memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
  - c. pegawai *Contract for Service*;
  - d. dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
  - e. berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
  - f. dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
  - g. dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup;
  - h. diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; atau
  - i. bercuti tanpa gaji.

## **Kaedah Pelaksanaan dan Kadar**

5. Bantuan Sara Hidup dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai atau institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/ kursus jangka panjang dalam negara.
6. Kadar bagi Kawasan A adalah dikekalkan. Kadar baru Bantuan Sara Hidup bagi Kawasan B dan Kawasan Lain adalah ditetapkan seperti di **Jadual** berikut:

**Jadual: Kadar Baru Bantuan Sara Hidup**

<b>Kawasan</b>	<b>Kadar Baru Sebulan (RM)</b>
Kawasan A	300
Kawasan B	250
Kawasan Lain	150

7. Kawasan A dan B adalah berdasarkan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan seperti berikut:

**Pihak Berkuasa Tempatan - Kawasan A**

<b>Negeri</b>	<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru

### Pihak Berkuasa Tempatan - Kawasan B

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Johor	Batu Pahat, Johor Bahru Tengah, Kluang, Kulai dan Muar
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi dan Sungai Petani
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman dan Kuala Terengganu

8. Kadar Bantuan Sara Hidup bagi pegawai yang diperuntuk Rumah Kerajaan adalah seperti berikut:

- a. Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada kelayakan pegawai; atau
- b. Rumah Kerajaan melebihi 25 kilometer dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh.

9. Pembayaran Bantuan Sara Hidup hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

### TARIKH KUAT KUASA

10. Pekeliling perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 April 2012**.


## **PEMBATALAN**

11. Dengan berkuatkuasanya pekeliling perkhidmatan ini Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007 adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN**

12. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeliing perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

## **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
PUTRAJAYA

30 Mac 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Pihak Berkuasa Tempatan